



Pengantara-  
bangsaan

# Pengantarabangsaan LAWATAN DARI UNIVERSITY OF SHANGHAI FOR SCIENCE AND TECHNOLOGY (USST)

**31 Dis 07** - UniMAP sebagai sebuah universiti kejuruteraan telah meningkat reputasinya walaupun baru berusia 5 tahun. Hal ini terbukti dengan lawatan daripada wakil daripada University of Shanghai For Science and Technology (USST)

iaitu Dr. Wong Boon Kwei dan beberapa orang daripada Eastudy Services Sdn. Bhd termasuk En Luke Ho dan En Harry Zhong. Syarikat tersebut yang mempunyai cawangan di China telah menyatakan hasrat untuk membantu UniMAP dalam pengambilan pelajar China ke UniMAP sama ada di dalam

program prasiswazah ataupun lepasan ijazah. Ini kerana UniMAP telah dilihat sebagai amat berpotensi untuk menjadi pembekal ilmu yang baik bagi pelajar-pelajar daripada China. Hal ini adalah rentetan daripada lawatan UniMAP ke China baru-baru ini yang turut membawa pelajarannya dalam program Jelajah Ilmu. Daripada sinilah pihak USST telah berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan UniMAP dan dengan hati yang terbuka menghulurkan bantuan bagi proses pengambilan pelajar China di samping mempromosikan UniMAP di persada antarabangsa.